



Penduduk Machang Bubok **menunjukkan lokasi projek tebatan banjir** yang dibatalkan November 2011 lalu. [FOTO SITI AZILA ALIAS/BH]

“Masalah banjir di kawasan Machang Bubok berlarutan sejak lebih 30 tahun lalu, tetapi bertambah teruk sejak lima tahun kebelakangan ini dan setiap kali hujan lebat, penduduk tidak senang duduk kerana bimbang berlaku banjir

Md Zakarya Ismail,
Wakil penduduk

Desak DAP teruskan projek tebatan banjir

» 420 keluarga diancam bah sejak 30 tahun

Oleh Siti Azila Alias
bhnews@bharian.com.my

► **Bukit Mertajam**

Sebanyak 420 keluarga di empat kampung di Machang Bubok, dekat sini, yang terjejas akibat banjir mendesak Kerajaan DAP Pulau Pinang meneruskan projek tebatan banjir yang dibatalkan

November tahun lalu.

Empat kampung terbabit ialah Kampung Tepi Sungai, Mukim 17 Pulau Pisang, Kampung Tok Konam dan Kampung Tok Musa, yang memerlukan tebatan bagi menyelesaikan masalah banjir yang dialami sejak 30 tahun lalu.

Penduduk berkenaan yang kecewa dengan sikap lepas tangan kerajaan negeri mahu projek tebatan banjir bernilai RM2 juta yang sepatutnya disiapkan Februari lalu, diteruskan.

Wakil penduduk, Md Zakarya Ismail, 57, berkata pembatalan projek berkenaan menimbulkan keresahan dalam

kalangan penduduk terutama warga emas.

Lima peniaga bantah

Md Zakarya mendakwa, projek itu dibatalkan kerajaan negeri selepas dibantah lima peniaga yang mengadu pendapatan terjejas akibat penutupan jalan.

“Masalah banjir di kawasan Machang Bubok berlarutan sejak lebih 30 tahun lalu, tetapi bertambah teruk sejak lima tahun kebelakangan ini dan setiap kali hujan lebat, penduduk tidak senang duduk kerana bimbang berlaku banjir.

“Saya sendiri turut menema ksan daripada masalah

ini kerana terpaksa menanggung kerugian akibat haiwan ternakan mati sehinggakan terpaksa mengambil inisiatif meletakkan pelampung di bawah reban supaya reban ayam saya boleh terapung ketika banjir,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Difahamkan, pembatalan itu dilakukan kerajaan negeri dalam satu mesyuarat pada 17 Oktober 2011 dengan alasan pelaksanaannya akan menimbulkan kesesakan lalu lintas.

Penduduk lain, Abd Hamid Hassan, 72, berkata, mereka tidak sanggup lagi menanggung kerugian akibat kerosakan harta benda setiap kali banjir dan mahu kerajaan negeri peka dengan masalah yang dihadapi.

“Pembatalan projek tebatan banjir itu menyusahkan penduduk. Sampai bila kami harus tanggung kesusahan. Sudah lama kami nantikan projek ini, tetapi apabila sudah lulus dibatalkan pula,” katanya.